

Bidaan plat eksklusif UUM sudah dibuka

Dilakukan secara dalam talian bermula semalam sehingga 1 Mac depan

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

SINTOK

Universiti Utara Malaysia (UUM) membuka bidaan plat eksklusif UUM mulai semalam sempena Sambutan Hari Pengasasan UUM Ke-36.

Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, orang ramai boleh membuat bidaan secara dalam talian mulai semalam bermula jam 4.16 petang sehingga jam 4.16 petang pada 1 Mac 2020.

Katanya, UUM menjadi universiti awam ketiga yang membuka pelawaan bidaan nombor

pendaftaran khas tersebut yang mana ia boleh dibuat di laman web <https://uumplate.uum.edu.my> sepanjang tempoh tersebut.

"Matlamat inisiatif ini adalah untuk memberi peluang kepada staf UUM, alumni, komuniti dan orang awam dalam menzahirkan kebersamaan dengan universiti ini di samping menjana pendapatan universiti," katanya pada Sambutan Hari Pengasasan UUM dan Perhimpunan Bulanan Staf di Dewan Mu'adzam Shah di sini semalam.

Menurutnya, UUM telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk nombor pendaftaran khas UUM 1 hingga UUM 9999 pada 2 Disember 2019.

"UUM juga akan menguruskan penjualannya secara bidaan dalam talian sepanjang tempoh yang diluluskan oleh JPJ.

"Bagi tujuan bidaan, setiap pembida perlu mendaftar dan



boleh merujuk panduan untuk membida yang telah disediakan," kata beliau.

Tambah, beliau, secara umumnya terdapat lima kategori nombor pendaftaran dengan nilai minimum bidaan yang berbeza mengikut kategori iaitu Utama, Menarik, Popular (UUM) dan Biasa dari serendah

RM500 sahaja.

"Universiti turut menawarkan beberapa insentif menarik kepada pembida yang berjaya.

"Antaranya yuran masuk keahlian percuma Kelab Golf dan Rekreasi UUM bernilai sehingga RM5,000 kepada pembida yang berjaya dengan nilai bidaan RM20,000 dan ke atas serta yu-

Ahmad Bashawir (kiri) bergambar selepas menyempurnakan girmik pelancaran plat eksklusif UUM di Dewan Mu'adzam Shah, Sintok semalam.

ran keahlian seumur hidup percuma Persatuan Alumni UUM kepada alumni yang berjaya dengan nilai bidaan minimum RM1,000 untuk mana-mana kategori," ujarnya.

Ahmad Bashawir berkata, hasil pendapatan itu akan digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan universiti.